



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Cenderamata untuk PM

■ **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** (dua dari kanan) membuka peti cenderamata yang dihadiahkan oleh Pusat Teknologi Perindustrian Logam (MITEC) selepas merasmikan pusat itu di Shah Alam, Selangor, semalam.

Turut memerhatikan ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui (dua dari kiri) dan Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Rafie.

MITEC adalah pusat latihan pertama untuk memberi bantuan teknikal

kepada perindustrian logam.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Perindustrian Logam dan Pusat Foundry dan Teknologi Plastik.

Institusi-institusi ini ditubuhkan di bawah Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) yang dipertanggungjawabkan membantu dan mempercepatkan perkembangan perindustrian negara ini. — Gambar Berita Harian oleh Khalid Ridza.